

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT TAMPIL SEBAGAI EJEN PERTAMA ASNBN YANG MENJADI SALURAN PENGEDARAN WAKAF ASNBN

KUALA LUMPUR, 22 April 2025 - Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) tampil sebagai ejen Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBN) pertama menjalinkan kerjasama strategik sebagai saluran pengedaran untuk perkhidmatan Wakaf ASNBN.

Melalui kerjasama ini, pemegang unit ASNBN boleh membuat sumbangan Wakaf ASNBN dengan mudah melalui cawangan terdekat Bank Muamalat seluruh negara bermula 21 April 2025. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan ketercapaian tetapi juga mengukuhkan komitmen Bank Muamalat dan ASNBN dalam menyediakan perkhidmatan wakaf yang telus dan efektif.

Wakaf ASNBN membolehkan pemegang unit untuk mewakafkan unit amanah ASNBN mereka, yang mana dana tersebut akan kekal sebagai pelaburan pokok dan pulangnya akan disalurkan kepada projek wakaf untuk pembangunan masyarakat dan ummah. Perkhidmatan ini diuruskan oleh ASNBN Wakalah Sdn Bhd, institusi pengurusan wakaf yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir dana wakaf secara menyeluruh bermula daripada mengumpul dana sehingga menguruskan agihan dana manfaat wakaf kepada golongan yang memerlukan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin berkata, kerjasama tersebut memberi peluang kepada Bank Muamalat untuk memperluaskan perkhidmatan dengan menyediakan penyelesaian kewangan Islam yang memberi impak sosial yang besar untuk mencipta kehidupan lebih baik, bersama.

“Dengan menambah portfolio kami sebagai ejen ASNBN pertama bagi Wakaf ASNBN, kami dapat memudahkan masyarakat untuk beramal melalui pelaburan dalam unit amanah ASNBN yang boleh diwakafkan.

“Untuk menggalakkan orang ramai berwakaf, 100 pewakaf pertama yang membuat Wakaf ASNBN melalui Bank Muamalat akan menerima baucar e-dompet Touch 'n Go bernilai RM30. Penawaran Wakaf ASNBN melalui Bank Muamalat menzahirkan komitmen kami untuk memperkasakan sistem kewangan Islam,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNBN, Fadziha Abbas Mohamed Ramlee berkata, kerjasama dengan Bank Muamalat ini menyediakan platform yang lebih luas kepada pelanggan Bank Muamalat dan pemegang unit ASNBN untuk berwakaf. Dengan pengiktirafan mutawalli oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, (MAIWP) serta tadbir urus dan informasi berkaitan dana wakaf dan sumbangan ke projek-projek wakaf yang telus, pelanggan Bank Muamalat boleh berwakaf dengan lebih yakin.

Pewakaf juga berpeluang untuk menikmati potongan cukai pendapatan tertakluk kepada 10 peratus daripada pendapatan agregat pewakaf bagi tahun taksiran.

Pada tahun ini, ASNB turut menganjurkan Kempen Seikhlas Wakaf yang menawarkan hadiah menarik iaitu pakej umrah dan kepingan emas untuk pelabur ASNB yang berwakaf. Transaksi wakaf boleh dilaksanakan di semua cawangan ASNB dan Bank Muamalat serta secara dalam talian menerusi aplikasi atau portal myASNB. Untuk maklumat lanjut berkaitan kempen dan daftar penyertaan, sila layari asnb.my/SeikhlasWakaf.

Untuk maklumat lanjut berkenaan transaksi Wakaf ASNB di Bank Muamalat, para pelanggan boleh melayari laman sesawang Bank Muamalat di www.muamalat.com.my atau kunjungi cawangan Bank Muamalat terdekat. Pelanggan juga boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di 03-2600 5500 untuk maklumat lanjut.

TAMAT

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.

Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Mengenai ASNB Wakalah Sdn. Bhd (ASNB Wakalah)

ASNB Wakalah Sdn Bhd (ASNB Wakalah) merupakan syarikat milik penuh ASNB yang ditubuhkan pada 25 Januari 2021 bagi mentadbir serta menguruskan perkhidmatan Wakaf ASNB untuk pemegang unit ASNB. ASNB Wakalah bertanggungjawab untuk mengumpulkan unit amanah ASNB yang diwakalkan serta melaksanakan pengagihan dana manfaat wakaf kepada pihak yang layak melalui proses saringan ketekunan wajar dan memastikan dana wakaf ditadbir urus dengan telus dan efektif. Untuk maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan Wakaf ASNB, sila layari www.asnb.com.my/wakaf.php